



**TEKS UCAPAN
YB DATO' SRI DR. ADHAM BABA
MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**

**MAJLIS PENGUMUMAN PENERIMA
*TOP RESEARCH SCIENTISTS MALAYSIA (TRSM) 2021***

YANG BERBAHAGIA PROFESSOR DATUK DR. ASMA ISMAIL
Presiden Akademi Sains Malaysia

YANG BERUSAHA PUAN HAZAMI HABIB
Ketua Pegawai Eksekutif Akademi Sains Malaysia

Penerima pengiktirafan *Top Research Scientists Malaysia*,
Rakan-rakan media,
Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

Assalamualaikum w.b.t dan salam sejahtera

1. Syukur ke hadrat Allah S.W.T, kita dapat bersama secara maya pada majlis pengumuman penerima pengiktirafan *Top Research Scientists Malaysia (TRSM) 2021*.

Hadirin dan hadirat sekalian,

2. Saintis umpama jambatan yang menghubungkan pemahaman sains kepada rakyat, membolehkan kita mengaplikasikan sains, teknologi dan inovasi dalam kehidupan seharian. Mereka telah mengetengahkan pelbagai penemuan saintifik, menjana pengetahuan, mencipta peluang dan menterjemahkan penyelidikan mereka menjadi hasil berimpak tinggi yang dapat menyumbang kepada transformasi sosioekonomi negara.

3. TRSM merupakan inisiatif Akademi Sains Malaysia (ASM) bagi mengiktiraf *Top Research Scientists Malaysia* (TRSM) yang merupakan para saintis yang aktif dan cemerlang dalam Penyelidikan dan Pembangunan Sains, Teknologi, Inovasi dan Ekonomi (STIE) untuk menyumbang kepada pembangunan negara. TRSM juga merupakan pakar terkemuka dan telah memperoleh pelbagai pencapaian dalam bidang masing-masing di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

4. Untuk makluman, daripada 5,500 pakar yang didaftarkan di pangkalan data *ASM Awards and Recognition* sepanjang 10 tahun ini, 134 individu telah diiktiraf sebagai *Top Research Scientists Malaysia*. Ini membuktikan bahawa kualiti amat diutamakan dalam memilih penerima pengiktirafan ini.

Tuan-tuan dan puan-puan,

5. Pandemik COVID-19 telah banyak mengubah cara kita menjalani kehidupan seharian. Dalam sekelip mata, kehidupan kita mengalami perubahan yang drastik, memaksa kita untuk bekerja di luar zon selesa.

Tetapi, pada masa yang sama, pandemik ini telah mendorong kita untuk mengaplikasikan STI secara kreatif dan inovatif. Usaha bersepadu antara para saintis di peringkat global telah menyaksikan penghasilan vaksin COVID-19 dalam waktu yang sangat singkat.

6. Ini membuktikan, para saintis memainkan peranan penting dalam penerapan pengetahuan dan teknologi seperti kecerdasan buatan, analisis data raya dan blok rantai bagi membuat keputusan kritikal berdasarkan fakta serta komunikasi maklumat.

7. Para saintis juga menggalas tanggungjawab yang besar untuk membantu Malaysia menjadi sebuah negara berteknologi tinggi berlandaskan ekonomi yang diterajui inovasi menjelang 2030. Saya percaya bahawa minda yang cemerlang dalam komuniti saintifik serta jalinan kolaborasi yang berpaksikan sains, teknologi dan inovasi akan menghasilkan pembangunan bernilai tinggi kepada rakyat.

Hadirin yang dihormati,

8. Rangka Kerja 10-10 *MySTIE* yang dibangunkan juga merupakan pemangkin dalam merealisasikan hasrat Malaysia menjadi sebuah negara yang mampu menghasilkan program berimpak tinggi serta berdaya saing di peringkat global seterusnya meningkatkan kesejahteraan dan kualiti hidup rakyat. Rangka kerja ini menghubungkan 10 pemacu sosioekonomi utama Malaysia dengan 10 pemacu sains dan teknologi peneraju antarabangsa. Untuk rekod, 30 bidang keutamaan STIE juga telah dikenalpasti berdasarkan kekuatan dan keperluan Malaysia.

9. MOSTI turut membangunkan sebuah pelan hala tuju dengan kerjasama agensi untuk memaksimumkan penggunaan Rangka Kerja 10-10 MySTIE. Ini termasuklah pelan hala tuju pembangunan vaksin, robotik, nanoteknologi, ekonomi hidrogen, syarikat pemula, modal urus niaga, blok rantai serta Pelan RDCIE yang merangkumi aspek penyelidikan, pembangunan, pengkomersialan, inovasi dan ekonomi.

10. MOSTI juga sedang berusaha untuk membangunkan serta melaksanakan dasar kebangsaan berkaitan domain teknologi utama seperti nanoteknologi, bioteknologi dan teknologi nuklear, yang mana ASM memainkan peranan besar dalam usaha berkenaan. Adalah menjadi harapan saya agar dasar-dasar ini dapat memberikan panduan strategik serta dorongan yang diperlukan untuk Malaysia merealisasikan program-program pembangunan sosioekonomi.

11. Untuk makluman, sehingga hari ini, laporan Rangka Kerja 10-10 MySTIE telah dimuat turun sebanyak lebih 5000 kali oleh para pengguna dari 49 buah negara dan angka ini kian meningkat dari masa ke masa. Ini membuktikan bahawa rangka kerja 10-10 MySTIE, turut dijadikan panduan strategik oleh negara lain. Besar harapan saya agar para penerima TRSM turut bersama-sama menggembeleng tenaga dan menterjemahkan idea bertaraf dunia sama ada melalui projek rintis atau demonstrasi projek untuk penciptaan nilai dan menarik pelaburan perniagaan dalam dan luar negara.

Tuan-tuan dan puan-puan,

12. Jika kita bandingkan Perbelanjaan Dalam Negara Kasar dalam bidang penyelidikan dan pembangunan Malaysia kepada negara maju, terdapat ruang dan peluang untuk negara memacu ekonomi inovatif yang lebih unggul sebagaimana negara-negara lain.

13. Ketika ini, Malaysia hanya membelanjakan 24.5% untuk aktiviti melibatkan prototaip, perintis dan peningkatan produk dan kekurangan pelaburan dalam aktiviti penyelidikan eksperimental pra-pengkomersialan. Di negara-negara lain yang berinovasi tinggi, mereka membelanjakan lebih daripada 50% untuk menghasilkan produk dan perkhidmatan yang mempunyai nilai tambah. Bagi menyelesaikan masalah ini, MOSTI menerusi Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara (DSTIN 2021-2030), telah memperuntukkan sekurang-kurangnya 50% dana R&D untuk aktiviti penyelidikan pra-pengkomersialan.

13. Selain itu, jika diamati, negara-negara yang berpaksikan inovasi ini juga mempunyai lebih daripada 40% penyelidik mereka di dalam sektor industri. Namun di Malaysia, berdasarkan data UNESCO *Institute of Statistics Database*, hanya 15.83% penyelidik berada di dalam sektor industri, manakala 79.2% penyelidik berada di institusi pengajian tinggi. Untuk mengatasi jurang ini, MOSTI sedang mengkaji mekanisma yang bersesuaian untuk mempertingkatkan peratusan penyelidik (*knowledge workers*) di sektor industri dan salah satu inisiatif yang sedang dijalankan oleh MOSTI adalah *Researcher Industry Scientific Exchange (RISE)* yang

membolehkan penempatan penyelidik di industri bagi membantu menyelesaikan masalah yang dihadapi bagi meningkatkan produktiviti.

Para hadirin yang dihormati,

14. Ingat, jika kita ingin melihat impak perubahan, kita harus melihat gambaran yang lebih besar, mencipta visi dan mentransformasikan idea menjadi tindakan. Besar harapan saya agar para saintis terulung di negara ini dapat membantu negara dengan lebih proaktif dalam usaha mencapai hasrat Malaysia menjadi Negara Berteknologi Tinggi menjelang 2030.

15. Terima kasih kepada ASM kerana meraikan bakat STI terkemuka di Malaysia dan tahniah saya ucapkan kepada semua 22 penerima TRSM.

MOSTI hebat!

[VIDEO]